

Kewujudan UMS-KAL beri impak besar kepada Labuan

KEWUJUDAN Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sejak 12 tahun lalu ternyata telah membawa impak yang sangat besar dalam pelbagai bidang yang merangkumi pembangunan, ekonomi, budaya, pertumbuhan penduduk dan kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Zainul Abidin Abdullah berkata UMS-KAL yang ditubuhkan pada 1999 telah dapat membangkitkan



ALBUM...Dr Kamaruzaman (tengah) meraikan kejayaan graduan pada Majlis Perarakan Graduan Berjubah 2011.



TUKAR WATIKAH...Prof Datuk Dr Kamaruzaman (dua kiri) bertukar watikah dengan Zainul Abidin diperhatikan oleh Yunus (kanan) dan Abdullah (kiri).

motivasi kepada penduduk untuk mencapai tahap pendidikan ke menara gading.

Katanya, ianya memberi dorongan kepada ibu bapa untuk menggerakkan anak-anak untuk mencapai tahap pencapaian akademik yang tinggi.

Beliau berkata khidmat masyarakat seperti bakti siswa amatlah dihargai oleh masyarakat tempatan kerana kehadiran siswa siswi untuk turun berbakti ke kampung-kampung, sedikit sebanyak menimbulkan minat anak-anak kampung untuk menanam azam melanjutkan pengajian yang lebih tinggi.

"Penubuhan UMS-KAL telah membangkitkan semangat kepada golongan pelajar untuk

meningkatkan prestasi akademik mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi," katanya berucap pada Majlis Perarakan Berjubah



DEKAN...Sebahagian Dekan Sekolah yang hadir.

Graduan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2011 di ruang legar, Kompleks Ujana Kewangan Labuan.

Turut hadir Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Senator Datuk Yunus Kurus, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Terdahulu, Prof Datuk Dr Kamaruzaman mengetuai perarakan sejauh 2 kilometer dari Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan ke Kompleks Ujana Kewangan

yang disertai pegawai utama UMS, pegawai kanan UMS, pensyarah dan graduan universiti itu.

Perarakan itu diiringi pancaragam PDRM dari Kepyayan, Sabah dan pasukan Latihan Simpanan (Palapes) UMS-KAL serta dimeriahkan dengan persembahan koir oleh Badan Budaya Perbadanan Labuan.

Zainul berkata selaku penganjur bersama, Perbadanan Labuan akan sentiasa menyokong dan membantu dalam memastikan aktiviti Majlis Perarakan Berjubah ini berjalan dengan lancar.

Katanya, kerjasama serta paduan usaha jawatankuasa bersama di antara UMS-KAL dengan Perbadanan

Labuan dalam majlis seumpama ini akan mampu menjadi satu wacana ke arah merapatkan lagi hubungan, persefahaman, komunikasi serta kolaborasi antara warga universiti dan Perbadanan Labuan.

"Kami selaku wakil warga penduduk Labuan sangat mengalu-alukan kedatangan warga Universiti Malaysia Sabah dan warga Kampus



TURUT SERTA...Pelajar Pusat Luar UMS (PLUMS) turut menyertai majlis berkenaan.



BERARAK...Prof Dr Shariff (depan) membawa watikah yang diiringi naib canselor, pegawai utama, pensyarah dan graduan ke Kompleks Ujana Kewangan Labuan.



UNTUK KENANGAN...Yunus (empat kanan), Dr Kamaruzaman (lima kiri) dan Zainul (lima kanan) bersama Pegawai Utama UMS.

Antarabangsa Labuan, khasnya siswa siswi ke dalam masyarakat Labuan ini," katanya.

Sementara itu, Prof Datuk Dr Kamaruzaman berkata dengan adanya majlis perarakan ini, warga Labuan akan mendapat pendedahan dan seterusnya pendorong

kepada golongan pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga ke peringkat universiti.

Katanya, majlis itu juga adalah sebagai pengiktirafan kepada golongan graduan yang akan menjadi tenaga kerja profesional mengikut bidang-bidang tertentu.

Beliau berharap graduan yang telah diterima dan diiktiraf sebagai warga Labuan agar dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan Labuan sama ada dari aspek tenaga kerja atau idea-idea yang boleh memantapkan dan memajukan Wilayah Persekutuan Labuan.